

# APLIKASI TABAYYUN DALAM PENERIMAAN HADITH DAN FAEDAHNYA DALAM MENGATASI PENYEBARAN HADITH PALSU

Siti Nordiana binti Katek<sup>1</sup>  
Nur Athirah binti Hasmain<sup>2</sup>  
Nurul Izzati binti Zahari<sup>3</sup>  
Syed Najihuddin bin Syed Hassan<sup>4</sup>

<sup>1</sup> Fakulti Pengajian Quran Dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia, 71800, Nilai Negeri Sembilan, (Email: [dianakatek@raudah.usim.edu.my](mailto:dianakatek@raudah.usim.edu.my) )

<sup>2</sup> Fakulti Pengajian Quran Dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia 71800, Nilai Negeri Sembilan, (Email: [tyrahhasmain@raudah.usim.edu.my](mailto:tyrahhasmain@raudah.usim.edu.my) )

<sup>3</sup> Fakulti Pengajian Quran Dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia, 71800, Nilai Negeri Sembilan, (Email: [izzatizahari@raudah.usim.edu.my](mailto:izzatizahari@raudah.usim.edu.my) )

<sup>4</sup> Fakulti Pengajian Quran Dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia, 71800, Nilai Negeri Sembilan, (Email: [syednajihuddin@usim.edu.my](mailto:syednajihuddin@usim.edu.my) )

**Abstrak:** Hadith merupakan sumber kedua yang terpenting dalam Islam selepas al-Quran. Seiring dengan kemajuan teknologi seperti internet dan media sosial, ia menjadi salah satu platform kepada masyarakat untuk merujuk kepada sesuatu hadith. Namun, perkembangan hadith di media sosial dapat dilihat dengan bercampurnya hadith palsu dengan hadith sahih yang boleh diterima sebagai hujah, sehingga menyebabkan para ulama' zaman berzaman berusaha untuk memelihara keaslian hadith daripada dicemari oleh anasir luar. Antara kaedah yang diberi fokus adalah kaedah Tabayyun dalam menerima sesuatu hadith yang bertujuan untuk memelihara ketepatan makna hadith yang disampaikan sebelum disebarkan kepada pihak lain. Sebaliknya, pengabaian terhadap konsep ini boleh menjejaskan keadaan sah sesuatu hadith disebabkan tergopoh-gopoh dalam penerimaan sesuatu hadith tersebut tanpa melakukan sebarang proses tapisan. Disamping itu, kajian ini akan menerangkan konsep Tabayyun dan aplikasinya dalam penerimaan hadith serta faedahnya dalam mengatasi penyebaran hadith palsu dalam kalangan masyarakat yang semakin pesat mutakhir ini. Untuk mencapai objektif tersebut, pengkaji menggunakan kaedah kualitatif iaitu analisis dokumen perpustakaan dengan meneliti literatur yang berkaitan bagi memperolehi data-data kajian dan seterusnya dianalisis secara deskriptif. Hasil kajian mendapati bahawa aplikasi konsep tabayyun ini dapat menjadi kaedah berkesan dalam menyekat penyebaran hadith palsu di Malaysia. Dapat kita lihat beberapa faedahnya seperti dalam memastikan kesahihan sesuatu berita yang diterima, menghidupkan sunnah para ulama' terdahulu, melatih ketelitian penyampai berita, mendidik sikap berhati-hati dan mengelak salah faham dalam penerimaan sesuatu hadith. Pengaplikasian konsep ini penting kerana dapat membantu dalam mencegah penyebaran hadith-hadith palsu yang semakin mudah tersebar mutakhir ini akibat lambakan medium penyampaian maklumat hasil perkembangan teknologi terkini.

**Kata kunci:** Aplikasi Tabayyun, Penyebaran Hadith Palsu, Media Sosial.

## **Pendahuluan**

Hadith merupakan sumber utama dalam Islam selepas al-Quran. Peranannya yang besar melibatkan beberapa aspek seperti perakuan, penerangan dan perincian, serta pertambahan hukum yang terdapat dalam al-Quran memerlukan keasliannya dipelihara dan keabsahannya dikekalkan daripada kemasukan analisis luar yang berusaha merosakkan kemuliaan hadith tersebut. Antaranya ialah kemunculan hadith palsu yang dilakukan oleh perawi-perawi yang tidak mempunyai kredibiliti bermula dari pertikaian politik yang berlaku pada penghujung pemerintahan Uthman bin Affan sehinggalah berlanjutan kepada sebab-sebab yang terdiri daripada pelbagai bentuk.

Selain itu, perkembangan semasa yang menjadi latar kepada hadith seperti kemunculan medium penyampaian maklumat terkini seiring perkembangan teknologi semasa telah menyaksikan penyebaran hadith palsu menjadi lemah, mudah dan pantas .<sup>1</sup> Oleh itu, kaedah tabayyun perlu diberi penekanan yang mendalam supaya berupaya menjadi pengawal yang efektif seperti yang telah dilakukan oleh Muhaddithin terdahulu dalam menjamin keaslian hadith yang disampaikan.<sup>2</sup> Pengabaian terhadap kaedah ini merupakan antara faktor utama tersebarnya hadis palsu dalam kalangan masyarakat, terutamanya dapat dilihat pada kepelbagaian medium penyampaian maklumat pada masa kini. Justeru itu, kajian ini dijalankan bagi melihat aplikasi kaedah ini dalam penerimaan hadith dan faedahnya dalam mengekang penyebaran hadith palsu di Malaysia.

## **Objektif Kajian**

Kajian ini dijalankan bagi memenuhi objektif berikut:

1. Menerangkan konsep tabayyun dan aplikasinya dalam penerimaan berita .
2. Menjelaskan gambaran penyebaran hadith palsu di Malaysia.
3. Menghuraikan faedah aplikasi tabayyun dalam mengatasi penyebaran hadith di Malaysia.

## **Metodologi Kajian**

Dalam penyusunan artikel ilmiah ini penulis menggunakan pendekatan kualitatif melalui analisis dokumen kepustakaan dalam pengumpulan data daripada sumber primer dan sekunder. Sumber primer seperti al-Quran, Hadith dan fakta sejarah yang autentik dirujuk. Selain itu, melalui pendekatan sumber sekunder seperti penelitian kepustakaan (*library research*) dan analisis deskriptif. Penelitian kepustakaan (*library search*) adalah suatu penelitian yang memperoleh data dari penelitian kepustakaan yang bersumber dari buku, jurnal, akhbar dan lainnya yang berkaitan dengan judul yang dibahas, serta dalam menganalisis data ini diperoleh pembahasan dalam bentuk penjelasan atau diskriptif dari apa yang telah dibaca, difahami dan ditelaah dari sumber-sumber sebagaimana yang telah disebutkan.

## **Kajian Literatur**

Penulisan mendapati bahawa kajian terhadap aplikasi tabayyun dalam penerimaan hadith bagi mengatasi penyebaran hadith palsu telah dilakukan oleh pengkaji-pengkaji sebelum ini sama ada berbentuk Latihan ilmiah mahupun disertai melalui sorotan terhadap kajian-kajian tersebut.

Penulisan pertama yang ditemui berkaitan pemikiran M.Quraish Shihab tentang Tabayyun dalam Surah Al-Hujurat yang berisikan pesan-pesan moral, adab-adab dan aturan kehidupan bermasyarakat dan

---

<sup>1</sup> Umar, R., Omar. (2018). Pendekatan Konsep Tabayyun dalam Isu Falak Kontemporari, ms:4.

<sup>2</sup> Al-Zahrani, Muhammad bin Matar. (1996). Tadwin Al-Sunnah Al-Nabawiyah.

sumbangannya dilakukan oleh Riskal Jabir pelajar program studi ilmu Al-Quran dan Tafsir, Fakultas Ushuluddin adab dan dakwah, Institut Agama Islam Negeri Palopo dalam kajian ilmiahnya yang bertajuk “Pemikiran M. Quraish Shihab tentang tabayyun dalam surah al-Hujurat ayat 6 pada kitab tafsir Al-Misbah. Dalam kajian ini penulis tersebut telah menghuraikan nilai-nilai tabayyun yang terkandung dalam Quran surah al-Hujurat ayat 6. Penulis telah menggunakan pendekatan kualitatif, yaitu menggunakan library research atau kajian kepustakaan. Di samping itu, kajian ini bertujuan untuk menghindari kaum muslimin bersangka buruk atau berasa kecurigaan maka penulis mengemukakan penjelasan tentang klarifikasi berita dan juga memberikan langkah-langkah yang cukup efektif dalam menanggapi suatu berita yang ada dan juga tidak terlalu mempercayai apa-apa yang disampaikan oleh orang-orang yang fasik terhadap suatu berita (Riskal Jabir, 2021). Oleh itu, sifat kehati-hatian telah diterapkan oleh para ulama muslim, terutama para ulama hadis yang mencontohkan sekaligus mentradisikan Tabayyun atau klarifikasi dalam proses periwayatan hadisnya sehingga dapat dipastikan apakah status hadis tersebut. Setelah penulis melakukan kajian ini, nampaknya perlu ditindak lanjuti dengan penulisan berikutnya agar dapat memberikan pelajaran tentang pentingnya berhati-hati dalam menerima informasi atau maklumat yang palsu.

Selain itu, terdapat satu lagi penulisan berkaitan penyebaran hadis palsu dalam kajian ilmiahnya yang bertajuk “Penyebaran hadis palsu dalam penerbitan di Malaysia dan kesannya kepada masyarakat” yang ditulis oleh Abur Hamdi Usman, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS). Penulis ini membuat penelitian yang menunjukkan meskipun penyebar hadis palsu dilihat terkawal dalam penerbitan, namun ia tetap berpontesi mengelirukan masyarakat dan mencalarakan kesucian hadis. Ketika media sosial mutakhir ini menjadi medium penting sebaran maklumat, kebanyakan masyarakat lebih cenderung mendapatkan informasi sekali gus mudah untuk menyebarkannya. Implikasinya masyarakat tidak mengambil cakna berkaitan status sesuatu hadis sehingga amalan-amalan yang tiada sandaran daripada Rasulullah SAW semakin berleluasa (Abur Hamdi Usman, 2022). Penulis ini melakukan kajian kualitatif melalui pengumpulan data daripada kitab-kitab hadis dan artikel jurnal yang berkaitan. Persoalan yang timbul dalam kajian ini berkaitan tentang hadis palsu tetap menjadi polemic apabila masih didapati riwayat-riwayat sintetik tersebar dalam masyarakat melalui penerbitan buku-buku, informasi dari media sosial melalui penulisan sebahagian penulis yang masih menggunakan dalil-dalil tanpa dinyatakan sumber dan hukum hadis tersebut. Maka, didapati dalam kajian ini menunjukkan bahawa dalam sejarah islam perbincangan tentang hadis palsu ini telah berlangsung sejak dari timbulnya pemalsu-pemalsu hadis lagi. Walhal, islam amat menitikberatkan penggunaan dalil-dalil yang sahih agar suatu penyampaian benar kepada pendengar serta perlu diteliti sumbernya bagi menjamin keabsahan maklumat. Penulis mengatakan, usaha untuk memastikan sifar hadis palsu dalam masyarakat tidak hanya tertumpu kepada medium penerbitan dan media sosial sahaja, tetapi ia merangkumi penyebaran maklumat tentang bahaya hadis palsu kepada masyarakat agar yang sampai kepada mereka adalah sebuah kebenaran yang pasti. Oleh itu, untuk kajian lanjutnya bagi memastikan masyarakat yang bertanggungjawab agar tidak menyebarkan hadis-hadis palsu adalah dengan mengamalkan konsep aplikasi bertabayyun dalam penerimaan hadis dan dalam mengatasi penyebaran hadis-hadis palsu.

Seterusnya, penulisan ketiga ini menfokuskan berkaitan dengan tajuk “Hadis palsu, Pemalsuan dan Pencegahannya di Era Digital” daripada Ahmad Farih Dzakiy, Anisa Dwi Ustadiyah, Muhammad Luqman Hakim. Artikel ini fokus untuk memberi pendedahan kepada masyarakat mengenai perbezaan hadis palsu dan hadis sahih dan cara mencegah penyebaran hadis palsu di era moden yang semakin berleluasa. Penulis menggunakan kaedah kualitatif dengan mengumpulkan rujukan daripada buku, jurnal, dan internet. Daripada kajian ini penulis dapat mengumpulkan beberapa maklumat seperti maksud hadis palsu, bagaimana pemalsuan hadis berlaku, tokoh pemalsuan hadis, latarbelakang serta cara untuk mencegah hadis palsu. Melalui dapatan kajian ini, penulis dapat mengenalpasti beberapa faktor dan latarbelakang, motivasi pemalsuan hadis ini berlaku serta dapat mengetahui cara mencegah hadis palsu dengan menilai dan memastikan sanad dan matan dari sebuah hadis. Hal ini, supaya masyarakat mahupun pembaca dapat mengetahui adanya pemalsuan hadis dan penyebaran hadis palsu (maudhu) di kalangan masyarakat. (Ahmad Farih Dzakiy, Anisa Dwi Ustadiyah, Muhammad Luqman Hakim, 2022).

Di samping itu, penulisan keempat yang lain didapati iaitu bertajuk “Pengurusan Tabayyun Dalam Dakwah” daripada Mohamad Zulkifli Abdul Ghani, Abu Dardaa Mohamad dan Rosmawati Mohamad Rasit. Artikel ini memfokuskan kepada cadangan pengurusan dan strategi dakwah berkonsepkan pengurusan tabayyun dengan mengambil kira persekitaran masyarakat yang pelbagai. Penulis juga mengetengahkan berkaitan dengan pengurusan tabayyun dalam dakwah melalui enam T iaitu terima, teliti, tashih, tekun, terbit dan teguh. Penulis telah menggunakan kaedah kualitatif dengan mengumpulkan bahan rujukan daripada buku, jurnal dan internet. Dapatan kajian mendapati bahawa kejayaan penyebaran dakwah dapat dihasilkan berdasarkan pengurusan yang baik hasil daripada penepatan pelaksanaan mengikut kepada garis panduan serta syarat yang diperlukan. Hal ini supaya segala yang disebar dan diamalkan menjadi perkara yang benar dan bertepatan dengan panduan Islam. (Mohamad Zulkifli Abdul Ghani, Abu Dardaa Mohamad dan Rosmawati Mohamad Rasit, 2019).

Dalam pada itu, fokus penulisan kelima ini adalah mengenai tajuk “Metode Ilmu Hadis dalam Mengidentifikasi Berita Bohong” daripada Aulia, Rizka Putri. Tujuan tesis ini adalah untuk mengetahui metode ilmu hadis dalam mengidentifikasi berita bohong, membahas mengenai situasi penyebaran hadis itu berlaku dan mengumpulkan contoh-contoh hadis palsu. Penulis menggunakan kaedah kualitatif deskriptif iaitu dengan memahami fenomena semasa yang berlaku pada zaman kini. Melalui kajian ini, dapat diketahui bahawa untuk mengekang pembuatan hadis maudhu’ (palsu) samada melalui perkataan, perbuatan dan taqir (ketetapan) yang menjadi pedoman kedua bagi umat Islam selepas Al-Quran, para ulama berusaha menetapkan metode ilmu hadis dalam mengenalpasti hadis mawdhu’ yang berkaitan dengan sanad dan matan. Hal ini, supaya seseorang itu tidak mudah terpedaya dalam kebohongan. Melalui cara ini juga seseorang dapat mengenalpasti berita palsu dan dapat menentukan samada sebuah berita itu dapat diterima ataupun ditolak. (Aulia, Rizka Putri, 2019)

Akhir sekali, penulisan keenam ialah yang bertajuk “Sikap Tabayyun dalam al-Quran menurut Mufassir dan Kontekstualisasi pada Problematika pemberitaan media sosial” daripada Brian Rafsanjani. Penulis mengarang artikel ini bertujuan untuk menghuraikan penjelasan para mufassir terhadap terminologi tabayyun dalam ayat al-Quran yang berhubungan dengan media sosial. Disamping itu untuk merumuskan carab er-media sosial yang baik dan bijak menurut tafsir al-Quran. Dalam menjawab permasalahan tersebut, kajian ini menggunakan kaedah kualitatif yang bersifat kepustakaan dan menggunakan kaedah tematik, iaitu mengumpulkan ayat-ayat al-Quran yang berkaitan dengan tabayyun, seterusnya membahaskannya secara komprehensif dengan merujuk pendapat para ahli tafsir kenamaan. Hasil daripada kajian ini menyimpulkan bahawa menurut pelbagai ahli mufassir Allah telah mengajak manusia untuk janganlah terburu-buru saat menerima berita walaupun itu daripada orang fasik atau orang yang beriman itu sendiri, selain itu jangan mudah menyebarkan berita jika belum pasti kebenarannya dan perlu melakukan klarifikasi setiap kali menerima berita ataupun sesuatu yang belum jelas keadaannya. (Brian Rafsanjani, 2018).

### **Konsep Dan Aplikasi Kaedah Tabayyun Dalam Penerimaan Berita**

Berdasarkan dalam kamus al-Azhar, tabayyun berasal dari perkataan *bana* (بَانَ), *yabinu* (يَبِينُ), *bayyanan* (بَيَّانًا), *tabyana* (تَبَيَّنًا), *tibyana* (تَبَيَّنًا) yang bermaksud menjadi jelas<sup>3</sup> manakala dalam tafsir al-Tabari, *fatabayyanu* (فَتَبَيَّنُوا) dibaca dengan qiraat lain iaitu (فَتَبَيَّنُوا) yang bermaksud ‘maka periksalah dengan teliti’ iaitu memberi tempoh sehingga diketahui kesahihannya dan tidak terburu-buru dalam menerimanya sebagai berita yang benar.<sup>4</sup> Menurut Tafsir Qurtubi (فَتَبَيَّنُوا) perkataan ini diambil daripada al-Tathabut.

<sup>3</sup> S. Askar (Pnyt.). (2010). Kamus al-Azhar. Jakarta: Senayan Publishing.

<sup>4</sup> al-Tabari, Abu Ja’afar Muhammad ibn Jarir. (2009). Tafsir Ath-Thabari. Terj. Misbah, Ahsan, Askan, Khairul Anam, Akhmad Affandi. Jil. 23. Jakarta: Pustaka Azzam.

Tambahan lagi, fatabayyanu juga membawa makna kajilah sebelum kamu berinteraksi atau mengambil keputusan.<sup>5</sup>

Seterusnya, Tabayyun menurut Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan merupakan perkataan yang berasal daripada Bahasa Arab yang bermaksud menthabitkan dan menyemak asas kebenarannya. Imam al-Syaukani berkata, “Yang dimaksud dengan tabayyun adalah memeriksa dengan teliti dan yang dimaksudkan dengan *tatsabbut* adalah berhati-hati dan tidak tergesa-gesa, melihat dengan keilmuan yang dalam terhadap sebuah peristiwa dan khabar yang akan datang, sampai menjadi jelas dan terang baginya”.<sup>6</sup> Menurut al-Alimi tabayyun ialah memastikan kesahihan sesuatu perkara dengan tepat, tidak cepat menghukum terhadap sesuatu sebelum jelas kesahihannya.<sup>7</sup> Manakala menurut Ali Salim mengkaji sesuatu perkara dengan jelas melalui bukti-bukti, tanda-tanda dan juga wasilah yang menunjukkan benar atau salah sesuatu perkara.<sup>8</sup>

Justeru itu, dorongan untuk menggunakan kaedah tabayyun ini dapat dilihat melalui perbuatan Rasulullah SAW yang didatangi oleh Ma'iz bin Malik yang melakukan pengakuan terhadap perbuatan zina yang dilakukannya dihadapan Nabi Muhammad SAW. Maka nabi memintanya untuk beristighfar sehingga baginda dapat melakukan proses tabayyun terhadap berita yang diterimanya samada sah atau tidak. Malah, apabila Maiz datang buat kali keempat menghadap Rasulullah SAW, baginda bertanya beberapa soalan sebagai ikhtiar untuk mendapatkan perihal pasti bahawa perbuatan zina itu benar-benar terjadi sehinggalah beliau mendapat jawapan yang sah mengenai kenyataan sebenar, maka baginda pun mengenakan hukuman rejam kepada Maiz. Selain itu, menerusi sabda Baginda SAW mengingatkan seseorang itu apabila menyampaikan sesuatu berita yang didengarinya tanpa melakukan proses semakan terlebih dahulu, maka ia dikenali sebagai seorang pendusta (Muslim no: 10).<sup>9</sup> Hal ini kerana semua berita yang disampaikan bercampur diantara berita yang sah dan palsu, sehingga ia tergolong dikalangan orang yang berdusta ketika menyampaikan kandungan berita yang dusta tersebut, walaupun ia melakukan perkara tersebut dengan tidak sengaja.<sup>10</sup>

Pada zaman sahabat juga menggunakan pendekatan tabayyun dalam mengesahkan kesahihan hadith dengan berhati-hati dalam menyampaikan hadith. Walaupun begitu, kaedah tidak digunakan secara menyeluruh ketika permulaan zaman periwayatan disebabkan oleh tiada faktor keperluan mendesak. Panduan kaedah ini yang diletakkan oleh sahabat menjadi rujukan kepada umat Islam dalam berinteraksi dan menyampaikan sesuatu berita yang diterima, terutamanya pada zaman sekarang yang semakin canggih dengan munculnya pelbagai medium baru dalam menyampaikan maklumat seperti media massa elektronik.

### **Aplikasi Pelaksanaan Tabayyun**

Kaedah Tabayyun ini sesuai diaplikasikan mengikut kesesuaian, kemudahan dan keperluan yang tersedia pada zaman tersebut. Dapat diketahui bahawa zaman tersebut dapat dibahagi kepada yang pertama adalah pada zaman salaf dimana kaedah ini diaplikasikan dengan merujuk dan menilai dari segi sanad samada diriwayatkan oleh perawi yang berkredibiliti iaitu seorang yang dhabit (kuat ingatan), adil, bermaruah, tidak syaz dan tidak ada 'illah atau sebaliknya.<sup>11</sup> Tambahan lagi, sekiranya hadith tersebut

---

<sup>5</sup> al-Qurtubi, Abu 'Abd Allah Muhammad ibn Ahmad ibn Abu Bakr al-Ansari. (2009). Tafsir al-Qurtubi. Terj. Akhmad Khatib. Jil. 17. Jakarta: Pustaka Azzam.

<sup>6</sup> Al-Syaukani, Muhammad bin Ali bin Muhammad bin Abdullah Al-Syaukani. (2013). Fath al-Qadir. Ilmu.

<sup>7</sup> Al-alimi, Ahmad Muhammad. (2000). Al-tasabbut wa al-Tabayyun fi al-Manhaj Islami. Beirut: Dar Ibn hazm.

<sup>8</sup> Ali Salim al-Baadi. (2017). Tadawul al-Maklumat Bain al-Tabayyun wa al-Tasabbut fi al-Quran al-Karim. Qatar: Universiti Qatar.

<sup>9</sup> Muslim bin al-Hajjaj (1955). Sahih Muslim. Kaherah: Matba'ah Isa al-Halabi.

<sup>10</sup> Al-Nawawi, Yahya bin Syarf (1392). Syarh al-Nawawi'ala Muslim. Beirut: Dar Ihya al-Turath.

<sup>11</sup> Penulis Ketua Unit Hadis di Institut Kajian Hadis dan Akidah (Inhad). (2020) . Proses kenal pasti kredibiliti perawi hadis. Utusan Metro Online. <https://www.hmetro.com.my/addin/2020/09/622442/proses-kenal-pasti-kredibiliti-perawi-hadis>

didatangkan oleh seseorang dan ia tidak mempunyai sanad maka dapat dijadikan bukti bahawa hadith tersebut perlu ditolak kesahihannya seperti yang dilakukan oleh al-Zuhri mengingkari hadith yang disampaikan oleh Ibn Abi Farwah, disebabkan ketiadaan sanad yang menjadi bukti kesahihan sesuatu hadith.<sup>12</sup> Hal ini, dapat disimpulkan bahawa betapa pentingnya sanad dalam menerima sesuatu hadith.

Selain itu, metod kritikan terhadap perawi yang tidak berkredibiliti dapat dinilai melalui sifat adil perawi ('adalah) tidak bema'ruah, berdusta, fasiq, dituduh berdusta dan berfahaman bidaah justeru itu, tahap amanah perawi (dabt) dinilai melalui kesalahan yang cukup banyak antaranya lalai, melakukan kesilapan, menyalahi riwayat yang paling thiqah atau hafalan yang sangat lemah. Selain daripada sebab itu, tidak dibenarkan melabelkan perawi sesuka hati kerana ia boleh membawa kepada dosa mengumpat iaitu sepertimana Abu Turab 'Askar bin al-Husain al-Nakhsyabi (wafat 245H) pernah datang kepada Imam Ahmad bin Hanbal (wafat 241H) dan mendapati beliau berkata: "Si fulan daif, si fulan thiqah." Lalu Abu Turab berkata: "Ya syeikh, janganlah kamu mengumpat ulama." Lantas Imam Ahmad pun berpaling kepadanya dan berkata: "Heh, kamu. Ini adalah nasihat, ia bukan mengumpat."<sup>13</sup> Kesalahan perawi semasa periwayatan mereka didedahkan dan dinilai dari sudut yang pelbagai seperti tahapnya samada ringan atau berat dan samada dilakukan secara sengaja atau tersalah. Menurut al-Zahabi, proses yang dikenali sebagai *al-Naqd* ini adalah situasi biasa yang berlaku pada zaman tersebut sebagai usaha untuk menjaga kesucian hadith Nabi dan memelihara keasliannya, malah mereka menilainya sebagai suatu nasihat untuk Allah dan rasulNya, dengan syarat ia dilakukan secara adil dan teliti oleh mereka yang berkemahiran.<sup>14</sup>

Seterusnya, kaedah tabayyun ini perlu diaplikasikan pada masa kini dengan rujukannya yang pelbagai dan meluas seiring dengan perkembangan semasa, antaranya adalah dengan merujuk kepada buku-buku yang dapat membantu dalam menyelidiki kesahihan maklumat malah di internet juga terdapat buku dalam bentuk e-book, beberapa laman web atau aplikasi yang disediakan untuk rujukan, bertanya kepada mereka yang mempunyai pengetahuan dalam maklumat yang diterima. Namun begitu, harus dipastikan juga agar kaedah yang akan digunakan ini haruslah berhati-hati dengan memastikan kredibiliti sumber tersebut supaya maklumat yang diterima itu tepat semasa proses semakan dilakukan. Hal ini, termasuk dengan buku-buku yang menjadi bahan rujukan, golongan berilmu yang ditanyakan soalan kepadanya dan laman sesawang yang dirujuk dalam memastikan maklumat yang diterima. Bahkan, setiap bidang ilmu dipelopori oleh pakarnya sendiri seperti dalam bidang hadith, nahu, perubatan, syair dan sebagainya. Justeru, bagi mereka yang ingin mencari kepastian atau keraguan perlu merujuk kepada pakar-pakar yang khusus bagi setiap bidang bagi memastikan maklumat yang diterima itu benar dan tepat. Selain itu, bagi mereka yang tidak mahir dalam melakukan proses semakan sendiri, perlulah tidak bergantung sepenuhnya dengan bantuan rujukan seperti buku atau laman sesawang yang asalnya dapat membantu menjelaskan persoalan mereka, bahkan proses tersebut perlu diawasi dan ditekuni oleh golongan berpengetahuan. Mereka boleh bertanyakan soalan kepada golongan yang berilmu yang diketahui kepakarannya dalam sesuatu bidang. Menurut al-Syatibi, kunci ilmu yang utama terletak kepada mereka yang berkepakaran, bahkan, dengan merujuk buku sepenuhnya tidak dapat membantu tanpa bantuan kunci yang ada pada mereka yang memiliki ilmu pengetahuan.<sup>15</sup>

Akhir sekali, proses tabayyun boleh dilakukan menerusi pemerhatian dan penelitian terhadap latar belakang (*track record*) penyampai hadith tersebut samada dia pernah terlibat dalam menyampaikan atau mendedahkan hadith yang tidak sahih kepada umum atau tidak. Sekiranya dia pernah terlibat dengan sebarang isu yang melibatkan pelanggaran disiplin dalam berinteraksi hadith, maka ia menjadi sebab

<sup>12</sup> Muhammad bin Hibban. (1976). *Al-Majruhin min al-Muhaddithin*. Halab: Dar al-Wa'yu.

<sup>13</sup> Sakat, A., & Amin, M. F. M. (2006). *Kepentingan Sanad dalam Ilmu Hadith di Era Globalisasi*. Ma'ālim al-Qur'ān wa al-Sunnah.

<sup>14</sup> Al-Zahabi, Muhammad bin Ahmad. (1992). *Al-Muqizah fi 'Ilm Mustolah*. Halab: Maktabah al-Matbua't al-Islamiyyah.

<sup>15</sup> Al-Syatibi, Ibrahim bin Musa. (1992). *Al-I'tisam*. Riyadh; Dar Ibn Affan.

seseorang itu perlu berhati-hati terhadap hadith yang disampaikan. Walaupun seseorang tersebut telah mengakui dan bertaubat atas keterlanjuran melibatkan etika penyampaian hadith, maka kita perlulah mengambil sikap berhati-hati dan prihatin dalam diri untuk memastikan kesahihan hadith yang disampaikan dengan merujuk kepada sumber rujukan lain. Kaedah meneliti latar belakang perawi ini juga selari dengan sikap ulama hadith terdahulu yang sangat mengambil kira kedudukan yang berbeza bagi setiap penyampai hadith dari segi keilmuannya dan matlamatnya ketika menyampaikan hadith tersebut. Namun begitu, tabiat manusia ini tidak lari daripada melakukan kesilapan. Justeru, melalui proses pemerhatian ini, tidak bermaksud seseorang penyampai hadith itu tidak boleh terpalit langsung dengan sebarang masalah, kesalahan atau pelanggaran etika dalam menyampaikan hadith sebelum ini. Namun, penilaian bagi seseorang yang menyampaikan hadith ini boleh dilihat melalui tiga golongan iaitu menurut Ibn Mahdi, yang pertama adalah golongan yang kuat ingatan dan teliti, kedua adalah golongan yang pernah melakukan kesilapan dalam menyampaikan hadith namun apa yang disampaikan adalah hadis sahih, dan golongan ketiga adalah mereka yang sering melakukan kesalahan dalam menyampaikan hadith. Mengenai golongan pertama, tiada perbezaan pendapat dalam memberi keizinan untuk mengambil hadith daripadanya, manakala golongan kedua juga boleh diterima periwayatan hadith daripadanya, sebaliknya golongan ketiga ini tidak boleh diambil hadith yang disampaikan kerana rekodnya yang buruk dalam menyampaikan hadith.<sup>16</sup>

### **Penyebaran Hadith Palsu Di Malaysia: Sejarah Dan Perkembangannya**

Penyebaran hadith palsu di Malaysia berpunca daripada kurangnya penekanan kepada Ilmu Hadith pada awal perkembangan Islam di Malaysia. Hal ini kerana, karya awal berkaitan agama Islam di Malaysia dikuasai oleh bidang aqidah, fiqh dan tasawuf pada kurun ke 17 sehingga kurun ke 19, akibat daripada Ulama Tanah Melayu yang mendapatkan Pendidikan di Timur Tengah pada waktu itu terpengaruh dengan perkembangan pesat ketiga-tiga lapangan ilmu ini di sana.<sup>17</sup> Maka kitab-kitab Arab seperti kitab Ihya' Ulumuddin oleh Imam Ghazali telah dibawa ke Malaysia. Lalu ia diajar di pusat pengajian rasmi dan tidak rasmi yang mengandungi kandungan hadith yang tidak berautoriti. Namun begitu, hadith-hadith yang tidak berautoriti yang terkandung dalam kitab yang dikarang oleh Ulama Nusantara samada yang berbahasa Arab atau Melayu juga dijadikan rujukan seperti kitab al-jawhar al-Mauhub oleh Syeik Ali al-Kelantani. Hal ini menumbulkan kerisauan kerana kitab-kitab ini dijadikan panduan dalam beragama oleh Umat Islam pada masa itu.<sup>18</sup> Bermula kurun ke 19, perkembangan ilmu hadith mula dilihat melalui pengajaran disiplin ilmu ini samada dari aspek riwayat atau dirayah, walaupun penulisan dan karya berkenaannya agak perlahan sehingga kurun ke 20.

Penulisan berkaitan hadith mula berkembang seiring daripada keprihatinan yang ditunjukkan oleh Ulama tanah Melayu terhadap keperluan mempelajari hadith. Ia dikategorikan kepada beberapa kategori iaitu:

- I. Kitab Jawi yang menghimpunkan hadith pilihan daripada pelbagai kitab hadith
- II. Kitab Jawi yang menghimpunkan dan mensyarahkan hadith pilihan
- III. Kitab Jawi terjemahan daripada kitab hadith beserta syarahan
- IV. Kitab Jawi terjemahan tanpa syarahan
- V. Kitab yang menghimpunkan hadith daripada pelbagai bidang
- VI. Kitab yang membincangkan ilmu mustalah hadith<sup>19</sup>

<sup>16</sup> Al-Ramahurmuzi, Hasan bin Abdul Rahman (2016). Al-Muhaddith al-Fasil baina al-rawi wa al-Wa'ie. Kaherah: Dar al-Zakhir.

<sup>17</sup> Faisal Ahmad Shah. (2017). Hadith Daif dan Palsu: Realiti Pemakaiannya di Malaysia, ms: 114.

<sup>18</sup> Jawiah dakir. (2014). Keberadaan al-Mawdu' dalam Masyarakat Melayu, Ms: 51.

<sup>19</sup> Fauzi Deraman. Pengajian Hadith di Malaysia: Satu Tinjauan. Dlm. Mustaffa Abdullah, Fauzi Deraman & Faisal Ahmad Shah (Ed.). (2009) . Khazanah al-Quran & al-Hadith Nusantara, ms: 215.

Walaupun begitu, keutamaan yang diberikan ketika itu adalah bagi menyebarkan hadith yang diketahui autoritinya sebagai sumber yang utama dalam Islam serta memberikan kesedaran kepada umat Islam tentang kepentingannya. Wujudnya penggunaan hadith-hadith yang tidak berautoriti dalam karya tersebut akibat daripada aspek status dan darjat hadis tidak diberikan fokus utama sehingga menyukarkan para pembaca untuk menentukan kesahihan sesebuah hadith akibat kekurangan kemahiran dalam ilmu berkaitannya seperti takhrij dan Jarah dan Ta'dil.<sup>20</sup>

Selain itu, penyebaran hadith palsu tidak terhad kepada sumber bahan bercetak sahaja seperti buku, jurnal dan surat khabar, malahan merangkumi sumber bahan elektronik yang melibatkan media massa seperti siaran radio, rancangan televisyen, facebook, Instagram, tiktok dan sebagainya. Kewujudan rancangan penyiaran semakin berkembang pada masa sekarang. Rancangan penyiaran berorientasikan Islam semakin banyak menghasilkan peningkatan minat masyarakat Islam di Malaysia terhadapnya. Ini mendorong stesen-stesen televisyen serta laman sosial untuk menerbit dan mengeluarkan rancangan sedemikian bagi memenuhi citarasa mereka.<sup>21</sup> Oleh yang demikian, terdapat penyampai yang tidak berhati-hati dalam menyampaikan isi kandungan sesuatu hadith sehingga menggunakan hadis palsu dan tidak berautoriti dalam penyampaian mereka sehingga menimbulkan kekeliruan dalam pemahaman penonton dan pendengar terhadap penggunaan hadith yang boleh dijadikan hujah. Kebimbangan ini terbukti melalui kajian Jawiah Dakir apabila menemui sejumlah hadis palsu yang tersebar daripada pelbagai bidang ilmu dalam kalangan masyarakat Melayu termasuk dalam rancangan keagamaan popular ketika itu seperti Forum Perdana Hal Ehwal Islam JAKIM.<sup>22</sup>

Punca masalah yang berlaku adalah kerana penyampai enggan untuk merujuk sumber yang muktabar dalam pengambilan hadith, sebaliknya menjadikan sumber sekunder yang tidak berlatar belakangkan bidang hadith sebagai rujukan. Selain itu, mendapati bahawa kesalahan semasa penyampaian sesuatu hadith juga boleh berlaku akibat daripada kaedah penterjemahan dan proses peringkasan hadith yang tidak tepat. Pengambilan hadith masyhur yang tidak dipastikan statusnya serta kesalahan penisbahan hadith kepada Nabi Muhammad S.A.W.<sup>23</sup> Permasalahan ini menjadi kerisauan apabila golongan penyampai hadith palsu ini mempunyai latar belakang keagamaan atau kemahsyuran dalam aktiviti dakwah yang menyebabkan penonton dan pendengar menerima sepenuhnya maklumat yang disampaikan oleh mereka dengan sangkaan baik terhadap kredibiliti yang mereka miliki.

Disamping itu, perkembangan teknologi yang semakin berleluasa menyaksikan penggunaan internet yang meluas sebagai suatu kaedah penyebaran maklumat. Medium seperti portal, laman sesawang, blog dan media sosial telah diguna pakai sebagai landasan penyebaran ilmu agama sehingga menyebabkan penggunaan hadith yang tidak berautoriti di dalamnya. Kewujudan perincian yang menarik yang terdapat dalam kemudahan seperti ini mampu menambah minat umat islam di Malaysia untuk menjadikan sumber elektronik ini sebagai rujukan mudah bagi mereka dalam urusan agama. Malahan, situasi ini menyukarkan apabila tiada garis panduan yang jelas dan menyeluruh dalam berinteraksi dengan hadith melalui medium semasa selain kelonggaran dalam system penyeliaan dan pengawasan terhadap pelanggaran disiplin hadith yang berlaku oleh pengguna-pengguna dalam medium ini. Siti Aidah menegaskan bahawa undang-undang dan akta yang berkaitan dengan kandunagan penyiaran Islam sedia ada tidak spesifik kepada kandungan

---

<sup>20</sup> Faisal Ahmad Shah. (2017). Hadith Daif dan Palsu: Realiti Pemakaiannya di Malaysia.

<sup>21</sup> Muhammad Zaki & Mazni Buyong. (2011). Rancangan Televisyen yang Berunsurkan Islam di Malaysia. Dlm. Muhammad Zaki Mustafa, Ainurliza Mat Rahim, Zainol Abidin (Ed.). Representasi Islam Dalam Media.

<sup>22</sup> Jawiah Dakir, Uдах Mohsin, Mazlan Ibrahim, & Faisal Ahmad Shah. (2009). Hadith Masyur Dalam Masyarakat Melayu: Takhrij dan Analisis.

<sup>23</sup> Faisal Ahmad Shah. (2017). Hadith Daif dan Palsu: Realiti Pemakaiannya di Malaysia.

berkaitan hadith, tetapi hanya secara umum menyentuh berkaitan bidang Islam yang diketahui mencakupi pelbagai lapangan.<sup>24</sup>

### **Keputusan Kaedah Tabayyun Dalam Mengekang Penyebaran Hadith Palsu Di Malaysia.**

Perkembangan teknologi yang semakin pesat tak menutup kemungkinan untuk semakin memudahkan bagi mereka yang tak suka dengan islam untuk menghancurkan islam salah satunya dengan penyebaran hadis palsu di era digital<sup>25</sup>. Kerana pada era ini penyebaran informasi dapat begitu cepat dan mudah diakses. Oleh itu, pendekatan kaedah tabayyun seperti yang dipraktikkan oleh ulama hadith zaman berzaman dilihat berupaya mengekang penyebaran hadith palsu di Malaysia dan membezakannya dengan hadith sahih yang perlu diamalkan oleh masyarakat Islam. Antara kepentingan kaedah tabayyun dalam mengekang penyebaran hadith palsu di Malaysia adalah:

### **Ketulusan Sesuatu Hadith dalam Kaedah Yang Berkesan.**

Kesahihan sesuatu hadith adalah matlamat utama yang ingin dicapai bagi membolehkan hadith itu diamalkan. Oleh kerana itu, kaedah tabayyun merupakan kaedah asas yang perlu dipraktikkan sesuai dengan anjuran Allah dan Rasulnya, dan perbuatan para ulama silam. Ibn Hibban menjelaskan bahawa perbuatan menyemak dan menyelidik kebenaran sesuatu hadith itu juga dapat dilihat pada tindakan Umar al-Khattab dan Ali b Abi Talib apabila meminta orang yang menyampaikan itu bersumpah akan kebenaran hadith yang didengarinya bagi mengelakkan pendustaan berlaku ke atas Nabi, walaupun diketahui para sahabat itu dipercayai dan bersifat 'adalah<sup>26</sup>. Malah, bertambahnya penglibatan golongan penyampai hadith yang tidak berkredibiliti. Seterusnya, kaedah ini dapat mengenal pasti kesalahan yang dilakukan oleh penyampaian hadith, seperti penyampaian hadith yang tidak diketahui status kesahihannya atau penyampaian hadith sahih yang telah berubah maknanya sehingga menyebabkan salah faham kepada penerima. Oleh itu, penelitian ketulusan sesuatu hadith antaranya meneliti sanad hadis mempunyai arti penting dalam mendeteksi kepalsuan hadith. Kesungguhan ini bertitik tolak daripada ketidaksanggupan menjadikan Nabi sebagai musuh mereka di akhirat. Malah tugas berat ini dilakukan semata-mata untuk memastikan maklumat yang benar dan salah dapat diperjelaskan.

### **Menghidupkan Amalan Ulama Salaf dengan Mengukuhkan Hadith.**

Pengukuhan ini dilakukan dengan jalan meneliti dan memadamkan kembali kepada para sahabat, tabi'in, dan ulama ahli hadith, pengukuhan hadith sebagai salah satu aktiviti mengatasi persoalan pemalsuan hadith menggambarkan adanya upaya melestarikan tradisi intelektual. Kesungguhan mereka dalam memastikan hadith tidak dicemari dengan perbuatan perawi yang berkredibiliti sehingga mencatatkan keabsahannya dapat dilihat menerusi kemunculan ilmu-ilmu yang pelbagai dalam bidang hadith. Hal ini dimaksudkan untuk mendukung keutuhan ajaran islam dalam segala bentuk pencemaran melalui pemalsuan hadith. Seperti sa'id al-Mussayab yang harus berjalan siang dan malam demi untuk mendapatkan satu hadith sahaja. Hal ini dilakukan semata-mata untuk mengukuhkan hadith.

### **Mendidik Sikap Berhati-hati dalam Menerima Hadith.**

Sikap berhati-hati sangat penting untuk dipraktikkan terutamanya ketika menerima hadith. Pendekatan yang diambil Umar al-Khattab saat meminta penyaksian Sahabat. Abu Musa al-Asy'ari menjadi panduan penting terhadap keperluan mengaplikasikan konsep tabayyun dalam situasi sedemikian<sup>27</sup>. Antara kesan penting sekiranya konsep tabayyun diaplikasikan adalah setiap penyampaian hadith akan berwaspada dalam hadith yang ingin disampaikannya, bagi mengelakkan maklumat tersebut dipersoal seterusnya

<sup>24</sup> Siti Aidah & Ishak Sulaiman. (2015). Fabricated Hadith In Malaysia's Television Programmes: A Study In Establishing A Broadcasting Guideline And Code Of Ethics Related To Sunnah Nabawi. Dlm. Khader Ahmad, Faisal Ahmad Shah & Monika Abd Razak (Ed.). Salah faham terhadap sunnah isu dan penyelesaian.

<sup>25</sup> Ahmad Farih Dzakiy. (2022). Hadis Palsu, Pemalsuan Dan Pencegahannya Di Era Digital, Al-Bayan: Journal of Hadith Studies.

<sup>26</sup> Muhammad bin Hibban, Al-Mujruhin min al-Muhaddithin, 2000:38.

<sup>27</sup> Al-Syafie, Muhammad bin Idris. (1938). Al-Risalah, Kaheerah: Mustafa al-Halabi, 1938:434.

menjadi rekod buruk kepada dirinya selepas ini yang boleh menghilangkan kepercayaan orang lain kepadanya. Sememangnya dikenali sebagai golongan yang paling bersungguh-sungguh dan menyampaikan hadith Nabi. Nuruddin 'Itr menjelaskan para Sahabat dalam setiap periwayatan mereka agar tidak tersalah ketika. Oleh itu, dengan adanya sikap selektif dan kritis terhadap hadis yang ada di social media merupakan salah satu upaya untuk mencegah pengalaman hadis palsu di kalangan masyarakat dan Mereka yang mengaplikasikan kaedah ini tidak seharusnya berasa menyesal dan bersalah atau sikap yang diambil. Malah, bagi memastikan tujuan murni ini tercapai, proses tabayyun yang dilakukan tidak boleh dianggap sebagai mempersoalkan kredibiliti penyampai hadith tersebut.

### **Melatih Sikap Teliti dalam Penyampai Hadith.**

Ibnu Daqiq memandang bahwa keberadaan perawi hadith sangat menentukan kesahihan dan kepaluan hadith. Sebab dalam hal ini, peranan sebagai peneliti terhadap sanad dan matan hadith, dianggap sebagai mutakhir hadith dan bahkan dianggap sebagai seseorang yang melembagakannya dalam karyanya. Oleh itu, seseorang penyampai hadith berterusan dalam melanggar disiplin periwayatan, maka hadith yang disampaikan boleh ditinggalkan dan tidak perlu diberi perhatian sewajarnya. Konsep tabayyun diaplikasikan adalah setiap penerusnya menjadi rekod buruk kepada dirinya selepas ini. Pendekatan ini pernah diambil oleh Ibn Abbas yang menyampaikan hadith Nabi, sehingga apabila ditanya mengenai perkara tersebut. Muhaddithin juga mengambil pendekatan sama terhadap perawi yang dikenali dalam hadith-hadith yang diingkari kesahihannya<sup>28</sup>.

### **Penerimaan Sesuatu Hadith Tidak Berautoriti bagi Mengelakkan Salah Faham.**

Apabila berlaku penolakan terhadap sesuatu hadith yang disampaikan setelah proses tabayyun dilakukan, maka tuntutan bukti merupakan sesuatu elemen penting dalam dakwaan tersebut. Oleh itu, memperdalam pengetahuan tentang hadith merupakan hal yang mendasar untuk mengetahui kesahihan sebuah hadis sehingga tidak asal mengamalkan begitu saja hadith yang ada di social media, melainkan meneliti dahulu kesahihannya. Tambahan pula, suasana pada masa kini yang memperlihatkan penglibatan ramai pendakwah dan mereka yang bersemangat untuk bercerita mengenai agama menyebabkan terdapat daripada kalangan mereka yang tidak mahir dalam ilmu hadith terlibat dalam bidang dakwah. Hakikatnya, penolakan hadith bukan beerti penolakan terhadap Nabi, tetapi disebabkan kecacatan yang berlaku pada sanad atau matan sehingga menjadikan hilangnya autoriti yang sah dan berlakunya kerosakkan pada hadith.

### **Kesimpulan**

Islam mengajar kita sikap berhati-hati dalam menyampaikan sesuatu maklumat sebelum dapat dipastikan kesahihannya, apatah lagi apabila melibatkan dalil agama seperti hadith. Hal ini kerana, terdapat larangan khusus bagi mereka yang menyampaikan hadith yang dilihat palsu, maka dia tergolong dalam kalangan salah seorang yang pendusta.<sup>29</sup> Nyata hadis ini menunjukkan bahawa sesiapa yang tidak pasti akan status kesahihan sesuatu hadith, namun tetap menyampaikannya kepada orang lain tanpa melakukan semakan terlebih dahulu, maka dia termasuk dalam kalangan salah seorang pendusta. Walau bagaimanapun, penyampai hadith yang tidak mengetahui kesahihan hadith tersebut adalah berdosa walaupun secara kebetulan hadith tersebut berstatus sah menurut al-Iraqi. Hal ini kerana, dia telah menyampaikan sesuatu yang tiada pengetahuan tentangnya. Seterusnya, kesan buruk yang akan terhasil akibat penularan hadith palsu adalah lebih berbahaya dan tidak terhad kepada penyebar sahaja, malah merangkumi orang Islam yang percaya dengan kebenaran hadith tersebut dan mengamalkannya dalam kehidupan seharian mereka tanpa melakukan proses tabayyun. Oleh itu, kaedah fiqh berbunyi “Maslahat Umum adalah didahulukan

---

<sup>28</sup> Muhammad bin Hibban, (1976), *Al-Majruhin min al-Muhaddithin*, 1977:22.

<sup>29</sup> Muslim bin al-Hajjaj. *Sahih Muslim*, (1955:7).

berbanding masalah yang khusus”<sup>30</sup> terpakai di sini bagi memastikan para penyampai hadith tidak sewenang-wenangnya menyampaikan sesuatu hadith tanpa terlebih dahulu menyelidikan kebenarannya.

---

<sup>30</sup> Al-Syatibi, Ibrahim bin Musa. Al-I'tisam, (1992:105)

## Rujukan

- Ab Hadi, S. N. I., Hassan, M. S., Farrah, S. N., Ghani, F. A., Ibrahim, N. A. N., Ngadiron, S., & Zainudin, S. S. S. (2022). *Factors Influencing Tabayyun in Political Information among Gen Z: A Preliminary Study*.
- Al-alimi, Ahmad Muhammad. (2000). *Al-tasabbut wa al-Tabayyun fi al-Manhaj Islami*. Beirut: Dar Ibn hazm.
- Al-Nawawi, Yahya bin Syarf (1392). *Syarh al-Nawawi'ala Muslim*. Beirut: Dar Ihya al-Turath.
- al-Qurtubi, Abu 'Abd Allah Muhammad ibn Ahmad ibn Abu Bakr al-Ansari. (2009). *Tafsir al-Qurtubi. Terj. Akhmad Khatib. Jil. 17*. Jakarta: Pustaka Azzam.
- Al-Ramahurmuzi, Hasan bin Abdul Rahman (2016). *Al-Muhaddith al-Fasil baina al-rawi wa al-Wa'ie*. Kaherah: Dar al-Zakhair.
- Ali Salim ali al-Baadi. (2017). *Tadawul al-Maklumat Bain al-Tabayyun wa al-Tasabbut fi al-Quran al-Karim*. Qatar: Universiti Qatar.
- Al-Syafie, Muhammad bin Idris, 1938, *Al-Risalah*, Kaherah: Mustafa al-Halabi, 1938:434.
- Al-Syatibi, Ibrahim bin Musa. (1992). *Al-I'tisam*. Riyadh; Dar Ibn Affan.
- Al-Syaukani, Muhammad bin Ali bin Muhammad bin Abdullah Al-Syaukani. (2013). *Fath al-Qadir. Ilmu*.
- al-Tabari, Abu Ja'afar Muhammmad ibn Jarir. (2009). *Tafsir Ath-Thabari. Terj. Misbah, Ahsan, Askan, Khairul Anam, Akhmad Affandi. Jil. 23*. Jakarta: Pustaka Azzam.
- Al- Zahabi, Muhammad bin Ahmad. (1992). *Al-Muqizah fi 'Ilm Mustolah. Halab: Maktabah al-Matbua't al-Islamiyyah*.
- Al-Zahrani, Muhammad bin Matar. (1996). *Tadwin Al-Sunnah Al-Nabawiyyah*. Riyadh: Dar al-Hijrah.
- Aulia, R. P. (2019). *Metode ilmu hadis dalam mengidentifikasi berita bohong* (Doctoral dissertation, UIN Sunan Gunung Djati Bandung).
- Muslim bin al-Hajjaj (1955). *Sahih Muslim*. Kaherah: Matba'ah Isa al-Halabi.
- Dzakiy, A. F., Ustadiyah, A. D., & Hakim, M. L. (2022). Hadis Palsu, Pemalsuan dan Pencegahannya Di Era Digital. *Al-Bayan: Journal of Hadith Studies*, 1(2).
- Faisal Ahmad Shah. (2017). *Hadith Daif dan Palsu: Realiti Pemakaiannya di Malaysia*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Fauzi Deraman. (2009). *Pengajian Hadith di Malaysia: Satu Tinjauan. Dlm. Mustaffa Abdullah, Fauzi Deraman & Faisal Ahmad Shah (Ed.). Khazanah al-Quran & al-Hadith Nusantara*. (213-236). Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Ghani, M. Z. A., Mohamad, A. D., & Rasit, R. M. (2019). *Pengurusan Tabayyun Dalam Dakwah. Al-Hikmah*, 11(1).
- Jabir, R. (2022). *PEMIKIRAN M. QURAIISH SHIHAB TENTANG TABAYYUN DALAM QS SURAH AL-HUJURAT AYAT 6 PADA KITAB TAFSIR AL-MISBAH* (Doctoral dissertation, Institut agama islam Negeri (IAIN Palopo)).
- Jawiah Dakir, Udah Mohsin, Mazlan Ibrahim, & Faisal Ahmad Shah. (2009). *Hadith Masyhur Dalam Masyarakat Melayu: Takhrij dan Analisis*. Jurnal Usuluddin. 29.
- Jawiah Dakir. (2014). *Keberadaan al-Mawdu' dalam Masyarakat Melayu*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Muhammad bin Hibban. (1976). *Al-Majruhin min al-Muhaddithin*. Halab: Dar al-Wa'yu.
- Muhammad Zaki & Mazni Buyong (2011). *Rancangan Televisyen yang Berunsurkan Islam di Malaysia. Dlm. Muhammad Zaki Mustafa, Ainurliza Mat Rahim, Zainol Abidin (Ed.). Representasi Islam Dalam Media*. Nilai: Universiti Sains Islam Malaysia.
- Muslim bin al- Hajjaj (1955). *Sahih Muslim*. Kaherah: Matba'ah Isa al-Halabi.
- Siti Aidah & Ishak Sulaiman. (2015). *Fabricated Hadith In Malaysia's Television Programmes: A Study In Establishing A Broadcasting Guideline And Code Of Ethics Related To Sunnah Nabawi*. Dlm. Khader Ahmad, Faisal Ahmad Shah & Monika Abd Razzak (Ed.). Salah faham terhadap sunnah isu dan penyelesaian. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.

- Rafsanjani, B. (2018). *Sikap tabayyun dalam al-qur'an menurut mufassir dan kontekstualisasi pada problematika pemberitaan media sosial* (Doctoral dissertation, UIN Sunan Ampel Surabaya).
- Sakat, A., & Amin, M. F. M. (2006). *Kepentingan Sanad dalam Ilmu Hadith di Era Globalisasi. Ma'ālim al-Qur'ān wa al-Sunnah*. 2(2).
- S. Askar (Pnyt.). (2010). *Kamus al-Azhar*. Jakarta: Senayan Publishing.
- Umar, R., Omar, S. M. H. S., Sabri, N. H., Fashil, N. A. A., & Fazil, A. (2018). Pendekatan Konsep Tabayyun dalam Isu Falak Kontemporari. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences (e-ISSN: 2600-9080)*, 1(2), 36-43.
- Umar, R., Omar, S. M. H. S., Sabri, N. H., Fashil, N. A. A., & Fazil, A. (2018). *Pendekatan Konsep Tabayyun dalam Isu Falak Kontemporari. BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences (e-ISSN: 2600-9080)*, 1(2), 36-43.
- Penulis Ketua Unit Hadis di Institut Kajian Hadis dan Akidah (Inhad). (2020, September). *Proses kenal pasti kredibiliti perawi hadis. Utusan Metro Online*. Diakses pada 17/12/2022, daripada: <https://www.hmetro.com.my/addin/2020/09/622442/proses-kenal-pasti-kredibiliti-perawi-hadis>